



Rujukan Kami
Tarikh

: PMKL.600-1/2 Jld 2 (/S)
: 4 November 2019

**Kepada,
Bakal Pelajar Politeknik METR0 Kuala Lumpur**

Saudara/i,

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DAN MINGGU HALUAN SISWA SESI DIS 2019

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Politeknik METR0 Kuala Lumpur (PMKL) ingin mengucapkan **TAHNIAH** kepada saudara/i kerana telah berjaya menyambung pengajian di institusi ini. Terima kasih juga diucapkan kerana memilih politeknik sebagai institusi pilihan untuk menyambung pengajian saudara/i.

3. Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa tarikh pendaftaran bagi pelajar baharu berdasarkan ketetapan berikut:

Tarikh : 2 Disember 2019 (Isnin)

**Tempat : Politeknik METR0 Kuala Lumpur
No 2-14, Jalan Setiawangsa 10,
Taman Setiawangsa,
54200, Kuala Lumpur**

Program	Masa Pendaftaran Pelajar	Masa Taklimat Am (Ibubapa/Penjaga)
Diploma Pengurusan Hotel (DHM) & Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) (DDT)	8.30 pagi – 10.00 pagi	9.30 pagi – 10.30 pagi
Diploma Pengurusan Peruncitan (DRM)	10.45 pagi – 12.00 tengah hari	11.30 pagi – 12.00 tengah hari

Untuk makluman, program Minggu Haluan Siswa pelajar baharu akan bermula pada **2 Disember 2019** dan **WAJIB dihadiri** oleh saudara/i.

4. Bagi tujuan kelancaran proses pendaftaran, saudara/i dikehendaki membuat pendaftaran secara online di <http://spmp.pmkl.edu.my> mulai **15 November 2019** selepas 2 hari membuat pembayaran yuran. **Buku Panduan Pendaftaran** yang mengandungi kaedah pembayaran yuran, pra pendaftaran online, etika/kod pemakaian pelajar serta senarai semak dokumen semasa pendaftaran boleh dimuat turun di www.pmkl.edu.my. Kegagalan untuk memuat turun dokumen pendaftaran akan merumitkan proses pendaftaran pelajar.

5. Berikut adalah beberapa makluman tambahan untuk rujukan dan tindakan saudara/i. Makluman tersebut adalah:-

- i. Saudara/i **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi kod etika berpakaian semasa hari pendaftaran dan sepanjang Minggu Haluan Siswa. (Sila rujuk **Buku Panduan Pendaftaran** untuk maklumat lanjut).
- ii. Makluman ringkas bagi semua program pengajian serta bayaran uniform/kelengkapan kelas praktikal bagi pelajar yang ditawarkan program Diploma Pengurusan Hotel (DHM).
- iii. Pihak politeknik tidak menyediakan atau menguruskan penginapan asrama pelajar. Justeru itu, disertakan beberapa cadangan rumah sewa yang berdekatan politeknik untuk kemudahan penginapan saudara/i.
- iv. Senarai Semak Dokumen yang perlu disediakan/dibawa semasa hari pendaftaran.

6. Saudara/i dimohon untuk mematuhi masa dan peraturan yang ditetapkan semasa sesi pendaftaran dan Minggu Haluan Siswa ini. Sekiranya saudara/i **TIDAK MENDAFTAR** pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan tanpa sebarang pemberitahuan, politeknik beranggapan saudara/i menolak tawaran ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HIKMATULLAH BIN HAJID AHMAD KHAN)

Pengarah